

Um(Timur) 5/7/14 Sabtu

300 pelajar m/s 11

Iepasan SPM daftar di UMP

KUANTAN 4 Julai - Seramai 300 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang berjaya melanjutkan pengajian peringkat diploma di Universiti Malaysia Pahang (UMP) mula mendaftar di universiti itu, di sini baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, beliau berbangga UMP menjadi pilihan pelajar-pelajar tersebut untuk menyambung pengajian dan seterusnya mencipta kecemerlangan bersama universiti ini.

“UMP menawarkan lima program iaitu Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses), Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Sains Komputer, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri).

“Saya berharap mereka yang terpilih melanjutkan pengajian di UMP akan memanfaatkan segala peluang dan ruang yang diberikan untuk belajar bersungguh-sungguh,” katanya ketika bermesra dengan para pelajar dan ibu bapa sempena Hari Pendaftaran Pelajar Peringkat Diploma di Kompleks Sukan UMP di sini.